



## **KENYATAAN MEDIA**

# **MSM MENGUMUMKAN KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SEBANYAK RM27.03 JUTA UNTUK SUKU KEEMPAT TK2017**

**KUALA LUMPUR, FEBRUARI 21, 2018** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara dan anak syarikat kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM27.03 juta dalam pendapatan suku keempat, peningkatan sebanyak 12.0% berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya.

Bagi tahun kewangan kini, MSM mencatatkan kerugian sebelum cukai (LBT) sebanyak RM15.81 juta - disebabkan oleh peningkatan purata kos gula mentah sebanyak 20.0% manakala kenaikan mendadak sebanyak 37.0% bagi harga asas pasaran gula mentah untuk perbandingan tempoh awal tahunan 2016 dan 2017

Ketika USD memuncak kepada 4.5002 pada Januari 2017, (berbanding dengan purata kadar pasaran 4.1669 pada 2016) dan penurunan nilai mata wang tempatan menjurus kepada peningkatan harga gula mentah yang ketara sebanyak 9.59% dari segi Ringgit untuk setiap metrik tan berbanding 2016. Disebabkan waktu pembayaran gula mentah terakhir MSM yang berlaku sebelum kejatuhan drastik USD/MYR pada pertengahan November 2017, kadar pembelian nilai matawang USD masih tinggi sebanyak 1.05% berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya.

Senario tidak dapat dikawal serta dibentuk oleh faktor pasaran luar ini telah meningkatkan kos pengeluaran sebanyak 14.0% berbanding 2016. Secara langsung, keadaan ini mempengaruhi prestasi kewangan tahunan disebabkan lebih dari 80% kos operasi MSM berasaskan harga pasaran gula NY#11 (yang diniagakan dalam USD) dan kebergantungan MSM pada 100% gula mentah import.



Di samping itu, MSM mencatat perolehan yang lebih kukuh sebanyak RM2.67 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 berbanding dengan RM2.66 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan perolehan sebanyak 0.3% adalah disebabkan oleh peningkatan harga purata penjualan sebanyak 16.5% dan pengurangan volum jualan keseluruhan sebanyak 12.0% pada tahun 2017.

Pengarah Eksekutif MSM, Dato' Khairil Anuar Aziz berkata, "Kita mesti memahami fakta bahawa industri gula beroperasi secara kitaran. Cuma, apa yang berlaku pada tahun 2017 dirasai oleh majoriti pengeluar gula sedunia. Harga gula mentah mendadak naik dari USD0.18 per lb pada Oktober 2016 kepada USD0.21 per lb pada Februari 2017 (tertinggi dalam tempoh 3-tahun), dianggarkan sehampir 20.0% peningkatan dalam tempoh tersebut dan kelemahan pertukaran USD/MYR menekan margin kami. Perniagaan ini bergantung kepada mengoptimumkan margin antara harga gula mentah yang tidak menentu dan harga gula bertapis yang berkawal. "

Beliau menambah, "Secara purata, perbelanjaan gula mentah tahunan dianggarkan sebanyak USD456.0 juta. Atas dasar ini, kita amat terdedah kepada ketidaktentuan harga dan risiko dagangan di pasaran hadapan. Walaupun fakta ini tidak berpihak pada kami, namun rasa tanggungjawab dan komitmen untuk memastikan bekalan gula yang mencukupi di negara ini diambil berat. Tugas ini dijalankan dengan pengukuhan polisi bagi urusan lindung nilai secara strategik supaya kerugian dikurangkan, mengelakkan kontrak yang menjurus kepada kerugian dan mencari peluang untuk memperolehi harga purata tahunan yang lebih baik di pasaran NY#11.

Dalam usaha untuk mengekalkan kecemerlangan operasi dan inisiatif penjimatan kos, MSM berjaya mengakhiri tahun ini dengan output pengeluaran tertinggi sebanyak 1,064,295 metrik tan dan 139,540 metrik tan disediakan untuk pasaran eksport, peningkatan pengeluaran output 2.5% berbanding tahun 2016 yang disumbangkan oleh penambahbaikan dan kecekapan operasi. Kadar penggunaan kapasiti melebihi penetapan sasaran sebanyak 2.65% disebabkan oleh penutupan operasi yang minima, pengurangan masa terhenti dan kos penapisan purata bagi setiap tan dikurangkan kepada 11.7% disebabkan oleh pengurangan kos bahan pembungkusan dan kos pembaikan dan penyelenggaraan. Ini membawa kepada penjimatan kos operasi sebanyak RM25.0 juta setahun.



"Walaupun keadaan tidak begitu baik pada 2017, kami berterima kasih kepada Kerajaan atas pelarasan harga gula domestik pada bulan Mac 2017 daripada RM2.84 kepada RM2.95 lantas mengurangkan impak terhadap margin dan mengekalkan kedudukan pasaran utama terbesar sebanyak 58% walaupun berhadapan gangguan permit import gula (AP) dan aktiviti penyeludupan gula melalui kaedah 'transshipment'," kata Dato 'Khairil.

Melangkah ke hadapan, MSM memberi tumpuan kepada beberapa inisiatif pertumbuhan yang berpotensi dalam pasaran Asia Tenggara (SEA), sejajar dengan pelan strategik yang telah diluluskan. Pelaburan sebanyak USD\$259 juta untuk kilang penapisan gula terbesar Malaysia di Tanjung Langsat, Johor dijadualkan untuk pentauliahan pada separuh tahun pertama 2018 – lantaran itu kapasiti bertambah sebanyak 1.0 juta metrik tan setahun dan mengiktirafkan MSM sebagai pemain global yang diiktiraf dan menjadi peneraju gula terbesar di Asia. Penambahan volum disasarkan untuk menghasilkan margin yang lebih baik dan membuka peluang perniagaan baharu terutamanya dalam aktiviti perdagangan eksport.

MSM telah melalui pelbagai cabaran dan rintangan pada tahun 2017, yang boleh diringkaskan dalam beberapa perkataan - dalam menghadapi cabaran yang ketara, MSM berusaha sebaik mungkin untuk membuat kemajuan. Secara kolektif, MSM kini sentiasa berdaya saing dengan meningkatkan ketelusan dan kemampanan rantaian nilai, pengurusan kos yang berkesan, pengukuhan modal dan merasionalisasi operasi dan pengurusan jualannya.

A clear direction for 2018, MSM is driven to solidify its leadership role in the sugar industry and improve its earnings, delivering core financial values and long-term profitable growth.

Secara jelasnya, bagi 2018 MSM beroptimis tinggi untuk memantapkan kepimpinannya dalam industri gula di samping meningkatkan pendapatannya, memberikan pulangan kewangan dalam perniagaan teras dan merangka pertumbuhan jangka panjang yang menguntungkan.

**-ENDS-**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi::

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 158  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Muhammad Aniz Mohd Azmi**  
+603 2181 5018 ext. 211  
+6012 289 3294  
[aniz.ma@msmsugar.com](mailto:aniz.ma@msmsugar.com)



### **Tentang MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), diperbadankan pada 10 Mac 2011 selaku peneraju pengeluar gula Malaysia. Ia telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM2.88 bilion (sehingga Disember 2017). Ia juga anak syarikat milik Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dengan pegangan saham 51%.

Secara dasarnya, MSM menjalankan operasi perniagaan gula Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). MSM menghasilkan, memasar serta menjual produk gula bertapis. Syarikat ini juga menjalankan perniagaannya menerusi dua buah anak syarikat iaitu MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn. Bhd. yang telah ditubuhkan pada 1959 dan 1971. Tambahan lagi, MSM juga mengendalikan syarikat logistiknya sendiri - MSM Logistics Sdn. Bhd. Pada Oktober 2015, MSM Trading International DMCC, berpangkalan di Dubai, EAB ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti dagangan gula Kumpulan.

Kini, MSM memiliki kapasiti pengeluaran gula tahunan yang mengagumkan iaitu 1.25 juta tan gula bertapis. Pada 2017, MSM telah menghasilkan 1,064,295 metrik tan gula bertapis, rekod tertinggi dalam sejarah syarikat dan sebanyak 139,540 metrik tan adalah untuk memenuhi permintaan pasaran eksport. Pada masa ini, MSM kekal menguasai bahagian pasaran domestik dalam anggaran 58%.

Syarikat juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com).